

20 OCT 1998

Estrada-bantahan

LEBIH 200 BANTAH KENYATAAN PRESIDEN FILIPINA

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Seramai lebih 200 orang mewakili apa yang mereka panggil "rakyat Malaysia prihatin" hari ini berkumpul secara aman di depan kedutaan Filipina di sini sebagai membantah campur tangan Presiden Filipina Joseph Estrada dalam urusan dalaman Malaysia berhubung isu Anwar Ibrahim.

Mereka yang terdiri daripada pelbagai kaum berkumpul sejak 10 pagi bergerak ke hadapan pintu masuk kedutaan itu pada pukul 10.30 pagi dengan membawa sepanduk menyatakan sokongan terhadap pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mengecam Estrada.

Satu memorandum tiga muka surat juga diserahkan oleh empat orang wakil kumpulan itu kepada Duta Filipina ke Malaysia Jose Brillantes di kedutaan berkenaan di Jalan Changkat Kia Peng di sini.

Memorandum bantahan itu ditandatangani bersama oleh lima wakil kumpulan itu. Ia merupakan yang pertama sejak presiden negara jiran itu dikecam kerana campur tangan dalam urusan dalaman negara ini oleh pelbagai pihak.

Memorandum berkenaan menyatakan rasa kecewa dan tidak puas hati terhadap kenyataan peribadi Estrada berhubung isu penahanan bekas Timbalan Perdana Menteri itu yang mereka anggap boleh mencerminkan pandangan kerajaan Filipina.

Seorang daripada wakil kumpulan itu, Abdullah Zain membacakan memorandum berkenaan di luar kawasan kedutaan itu sebelum ia diserahkan.

Kumpulan itu dalam memorandum berkenaan menuntut Estrada meminta maaf kerana mencampuri urusan dalaman negara Malaysia.

"Kami anggap kenyataan-kenyataan itu sebagai melampau, dan tidak wajar bagi seorang pemimpin Asean. Bukanlah amalan Asean untuk membuat komen mengenai hal ehwal dalaman negara-negara anggota," menurut kandungan memorandum itu.

Ia menekankan bahawa dasar tidak campurtangan dalam hal ehwal dalaman negara-negara merupakan prinsip yang telah terjalin dan diterima di peringkat antarabangsa.

Pendapat peribadi seorang pemimpin kebangsaan tidak dapat dipisahkan dengan dasar negara dan oleh itu pendapat sedemikian yang dinyatakan Estrada boleh dicerminkan sebagai pendirian kerajaan Filipina, menurut memorandum itu.

Estrada, bekas pelakon filem, dilaporkan mahu kerajaan Malaysia memberi layanan lebih baik kepada Anwar yang disifatkannya sebagai kawan peribadinya.

Anwar dipecat dari kabinet pada 2 Sept lepas dan dari Umno sehari kemudian atas sebab-sebab moral. Beliau ditahan mengikut Seksyen 73 Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada 20 Sept selepas melancarkan apa yang dipanggil gerakan reformasi menerusi demonstrasi dan perhimpunan haram yang menjejaskan ketenteraman awam di ibukota.

Beliau kini ditahan reman di penjara Sungai Buluh sementara menunggu perbicaraan di Mahkamah Tinggi di sini mulai 2 Nov depan atas empat tuduhan rasuah.

Presiden Filipina itu mahu Anwar dibebaskan dan sebaliknya dikenakan tahanan dalam rumah.

Kumpulan itu bersurai selepas 45 minit.

-- BERNAMA

SHS WAT RON